

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA (UTUSAN KOTA)

TARIKH: 06 FEBRUARI 2018

MUKA SURAT: 27

MPHTJ perkenal GIS bagi kemudahan penduduk

MELAKA 5 Feb. - Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) memperkenalkan Sistem Informati Geografi (GIS) menerusi skrin sesentuh bagi memudahkan penduduk di kawasan pentadbirannya memperolehi maklumat setempat.

Yang Dipertuanya, Datuk Murad Husin berkata, sistem pertama yang dibangunkan dalam kalangan pihak berkuasa tempatan (PBT) itu juga membolehkan penduduk menyemak status guna tanah lot milikan dan kawasan industri.

Beliau berkata, GIS juga merupakan satu kemudahan yang memberi maklumat secara terus

kepada penduduk setempat bagi mengenal pasti tanah persekitaran selain melihat potensi pembangunan di kawasan masing-masing.

“Berbanding dahulu, orang ramai perlu berurusan secara manual dan bertemu dengan pegawai bertugas, namun dengan kemudahan ini, mereka dapat melihat gambar pelan dan peta persekitaran pada paparan skrin.

“Sistem yang dibangunkan dengan kos RM50,000 ini merupakan kemudahan yang terkini dan mula diperkenalkan kepada orang awam mulai hari ini dan boleh didapati di kaunter MPH-

TJ,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri perhimpunan bulanan MPHTJ dan pelancaran GIS Touch Screen di Melaka Mall di sini.

Majlis itu disempurnakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar negeri, Datuk Ismail Othman.

Murad berkata, antara pencapaian lain yang boleh didapati dalam sistem berkenaan adalah portal rasmi MPHTJ termasuk mencari tawaran iklan, sewaan gerai, cukai taksiran dan lain-lain kemudahan berkaitan di bawah majlis.